

# Politik baharu perlu lebih segar

MENURUT Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn, Abdul Hannaan Khairy, politik tidak boleh hanya dikaitkan dengan parti.

"Politik ini pada pandangan saya adalah survival seseorang individu dalam sesuatu keadaan atau persekitaran. Survival seseorang pula berkait rapat dengan interaksi individu tersebut terhadap persekitarannya," katanya.

Oleh yang demikian, mahasiswa harus pro aktif bersama-sama dengan pihak kerajaan yang memerintah (bukan bersandarkan pada parti politik) dalam menentukan masa depan mereka.

"Saya yakin suara mahasiswa itu sentiasa didengari dan diiktiraf kerajaan. Situasi ini sememangnya wujud. Banyak sesi dialog mahasiswa bersama menteri dianjurkan dalam mendapat reaksi atau idea mahasiswa tentang sesuatu perkara yang dilakukan pihak kerajaan," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Komunikasi dan Media MPPK 2015 berkata, MPPK adalah satu contoh platform untuk mahasiswa bersuara dan suara itu diangkat kepada Kementerian yang berkaitan dengan isu yang dinaikkan.

"Mesyuarat MPPK yang dipengerusikan sendiri oleh mantan Menteri Pendidikan sebelum ini yang juga mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah diadakan dan mesyuarat ini dilakukan dengan kehadiran menteri Kabinet serta pegawai kanan Kementerian bagi memberikan respons terhadap isu dan idea yang dibangkitkan," katanya.

Selain itu, katanya, melalui platform yang sama, ahli MPPK yang terdiri daripada gabungan kepimpinan perwakilan pelajar universiti mempunyai akses untuk bertemu secara bersemuka dengan menteri/kementerian berkaitan dalam membawa sesuatu isu secara terus.

"Tidak dinafikan pihak kerajaan serius dalam memandang idea suara mahasiswa namun ada beberapa ketika suara-suara ini hanya didengar tanpa berbuat apa-apa. Masalah itu bukan

daripada pihak kerajaan tetapi individu yang berada dalam kerajaan yang mencemar imej kerajaan," katanya.

Tambah beliau, politik baharu perlulah lebih segar dan mengutamakan rakyat. Rakyat ini terdiri daripada pelbagai lapisan umur, bangsa dan agama. Tiada lagi sentimen agama dimainkan. Tiada lagi sentimen bangsa yang disentuh. Politik baharu ini perlu dilihat sebagai wadah penggerak utama negara dan bukan digunakan hanya untuk kepentingan individu atau sesetengah pihak sahaja.

Jelasnya, politik baharu juga perlu lebih matang dan berteraskan kepada pembangunan agama, bangsa dan negara. Agama dijunjung, bangsa dikendong manakala negara dibimbit. Begitulah kepimpinan yang perlu diutamakan. Tiga aspek utama ini perlu selari supaya kita dapat sama-sama membangunkan negara Malaysia tercinta.

"Politik kebencian harus dielakkan. Inilah punca kepada apa yang berlaku kepada negara kita sekarang. Ya, Malaysia masih aman, namun keharmonian itu semakin terugat. Perpaduan yang utuh semakin goyah oleh pihak-pihak berkepentingan," katanya.

Ujarnya, dengan kedudukan sebagai pemimpin mahasiswa ketika ini, beliau sememangnya mempunyai minat mendalam dalam bidang kepimpinan secara tidak langsung menaruh harapan untuk bergelar pemimpin rakyat pada masa akan datang.

"Satu kepuasan yang mungkin tidak dapat dirasai oleh semua orang apabila usaha yang kita lakukan dapat memberi kebaikan kepada ramai orang.

"Namun begitu, cabaran mendatang sudah pasti lebih hebat. Kalau hari ini kita punya media sosial tanpa sempadan, entah bagaimana nasib pemimpin masa hadapan. Persediaan mental dan fizikal sangat penting untuk bermula dari zaman remaja supaya apabila tiba masanya nanti, kekuatan inilah yang akan berjaya membuatkan anda menghadapi segala cabaran dan rintangan," akhirnya.



ABDUL HANNAAN